



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah



**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan bekalan berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
086/2025/0049	CADANGAN BAGI PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DIARI MARA 2026	020603	14/08/2025 Hingga 20/08/2025	21/08/2025 Pendaftaran : 10.00 Pagi Dewan Anjung Ilmu, Tingkat 4, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur	RM5.00	2/09/2025 (SELASA) (Sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat Sebut harga seperti alamat di atas. Sila bawa cop Syarikat yang lengkap bagi memudahkan proses pendaftaran. **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat Sebut harga dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak dan pembelian dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat Sebut harga.
3. Tawaran ini dilaksanakan melalui dalam talian (online). Bagi membolehkan pembekal mengakses sistem dan memuat turun dokumen, hanya Pembekal yang telah mendaftar syarikat dengan **SPEED** dan diluluskan untuk menyertai **Pasaran MARA** serta mempunyai kod bidang seperti dinyatakan **DIBENARKAN** untuk membuat pembelian no. pin dengan nilai seperti yang tercatat di atas. Sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat perkhidmatan pelanggan **SPEED** di talian 03-78854111/79855287 atau emel kepada helpdesk@speed2u.my.
4. Pembelian no. pin Sebut harga boleh dibuat melalui <https://bayar.maraeps.my> kepada pembida yang telah diluluskan dalam Pasaran MARA. Tempoh akhir pembelian no. pin atas talian ialah pada **20/08/2025 jam 12.00 tengah hari**. Sebarang pertanyaan dan semakan berkaitan penajaan no. pin boleh menghubungi Kaunter Tender di talian 03-26134481/34480/34479.
5. Pembekal juga boleh mendapatkan no. pin di Kaunter Tender (Tingkat 2) Ibu Pejabat MARA atau Pejabat MARA Negeri dengan membuat pembayaran melalui **Draf Bank/Debit Card** atas nama **Majlis Amanah Rakyat (MARA)** dengan mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempoh untuk semakan:
- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** dan berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
6. MARA tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan pembekal sekiranya no.pin tidak dapat dijana disebabkan kegagalan pembekal berdaftar dengan **SPEED** serta diluluskan menyertai Pasaran MARA atau lain-lain maklumat yang tidak dikemaskini oleh pembekal. MARA tidak akan mengembalikan wang sekiranya terdapat kesalahan atau maklumat yang bercanggah dengan tawaran iklan.
7. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen Sebut harga bagi setiap Sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran Sebut harga sahaja. Sebut harga akan diproses oleh pihak MARA pada hari bekerja dan pembekal akan menerima emel makluman apabila no. pin telah dijana.
8. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen sebut harga melalui laman web www.speed2u.my mulai **14/08/2025 hingga 20/08/2025**. Sebarang pengesahan pelawaan kali pertama selepas **21/08/2025** tidak akan dilayan.

9. Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah sebanyak **0.4% atau 0.7%** bagi setiap transaksi yang disempurnakan daripada nilai setiap invoice mengikut terma dan syarat pembekalan. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Bekalan di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
10. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
11. Sekiranya pembekal memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen sebut harga (hard copy) yang lengkap selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga yang berkaitan** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari

12. Pembekal juga dikehendaki memuat naik dokumen (*soft copy*) sebut harga yang lengkap secara dalam talian (*online*). Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga serta **tidak mengikut peti sebut harga yang ditetapkan** tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
13. Sebarang urusan Sebut harga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.